

26 JANUARI 2018

THC boleh diambil dengan merokok, bong, vape

THC boleh diambil dengan merokok, bong, vape

Oleh SYAHIRAH LOKMAN

KUALA LUMPUR - Beberapa laman web berkaitan ganja mendedahkan terdapat pelbagai cara pengambilan bahan aktif mengkhayalkan *tetra hydrocannabinol* (THC) antaranya sama seperti menghisap rokok tradisional, menggunakan paip bong dan rokok elektronik vape.



Laman web *Honestmarijuana.com* mendedahkan, selain dalam daun ganja kering, THC juga hadir dalam bentuk cecair selepas diproses sekali gus membolehkan THC dihisap menggunakan vape.

Bagaimanapun, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan, Datuk Dr. Abd. Halim Mohd. Hussin berkata, kebiasaannya THC akan dihisap menerusi teknik merokok dan paip bong selepas daun ganja dikeringkan. Ia juga boleh dihisap bersama tembakau.

"THC merupakan salah satu bahan psikoaktif yang boleh diperolehi secara se-



THC merupakan bahan kimia mengkhayalkan yang ditemui dalam daun ganja.

mula jadi daripada pokok ganja.

"Bagi individu yang menagih dadah jenis THC dan mengalami kecelaruan mental, beberapa ubat antipsikotik boleh digunakan bagi merawatnya," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengasih Malaysia, Datuk Mohd. Yunus Pathi (**gambar kecil**) berkata, THC bukanlah sejenis dadah baharu.

Kata beliau, tindak balas bahan aktif dalam ganja itu bergantung kepada keadaan tubuh individu yang mengambilnya.

Tambahnya, kepekatan kandungan THC dalam tubuh juga bergantung kepada jum-



DIFAHAMKAN dadah jenis THC juga boleh ditemui dalam bentuk cecair dan dihisap menggunakan vape.

lah ganja yang dihisap serta jenis daun diambil oleh penagih itu.

"THC akan meresap cepat ke dalam paru-paru dan memasuki sistem aliran darah tubuh. Ia boleh mempengaruhi jiwa dan tingkah laku seseorang individu yang mengambilnya.

"Contohnya jika si pengambil dikelilingi suasana sedih dia boleh berubah menjadi seorang penyedih begitu juga sebaliknya emosinya boleh bertukar serta-merta apabila berhadapan dengan situasi yang berbeza," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.